

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 18 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9292

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos pembekalan "simcard" oleh Iris Corporation dan Datasonic Group Berhad dalam tender terbaru mereka. Apakah sebab Kementerian menukar pembekal simcard daripada Iris Corporation kepada Datasonic Group Berhad dan sebab kelewatan pengeluaran pasport di Jabatan Imigresen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang DiPertua dan ahli Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak mempunyai sebarang kontrak pembekalan “simcard” oleh Iris Corporation atau Datasonic Group Berhad.

Pengeluaran buku Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) versi baharu yang telah dipertingkatkan dengan 28 ciri-ciri keselamatan oleh pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di seluruh negara telah bermula mulai bulan Jun 2016. Dalam proses transisi tersebut, terdapat kelewatan dalam pengeluaran pasport disebabkan oleh masalah penyesuaian penggunaan mesin pencetak pasport yang baharu serta semakan yang perlu dilakukan oleh pegawai JIM terhadap kualiti setiap pasport sebelum ianya dikeluarkan kepada orang awam. Kerajaan amat mementingkan kualiti pasport yang dikeluarkan dan tidak akan berkompromi dari aspek tersebut.